



18 April 2013  
18 April 2013  
P.U. (A) 145

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH TANDATANGAN DIGITAL (PENGECUALIAN)  
2013

*DIGITAL SIGNATURE (EXEMPTION) ORDER 2013*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA TANDATANGAN DIGITAL 1997

PERINTAH TANDATANGAN DIGITAL (PENGECUALIAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 89 Akta Tandatangan Digital 1997 [*Akta 562*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Tandatangan Digital (Pengecualian) 2013**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2013.

**Pengecualian**

2. (1) Pihak berkuasa pemerakuan berlesen yang Jabatan Imigresen Malaysia merupakan pelanggannya dikecualikan daripada kehendak di bawah subseksyen 59(2) Akta berhubung dengan perakuan yang dikeluarkan bagi maksud mengesahbetulkan tandatangan digital yang ditambah pada suatu pasport yang dikeluarkan di bawah Akta Pasport 1966 [*Akta 150*].

(2) Walau apa pun subperenggan (1), pihak berkuasa pemerakuan berlesen tidak boleh mengeluarkan apa-apa perakuan bagi maksud mengesahbetulkan tandatangan digital yang ditambah pada suatu pasport bagi apa-apa tempoh yang melebihi enam tahun dari tarikh pengeluaran.

Dibuat 13 Mac 2013  
[KPKK/PUU 800-8/20; PN(PU2)575/VI]

DATO' SERI UTAMA DR. RAIS BIN YATIM  
*Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan*

DIGITAL SIGNATURE ACT 1997

DIGITAL SIGNATURE (EXEMPTION) ORDER 2013

IN exercise of the powers conferred by section 89 of the Digital Signature Act 1997 [Act 562], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Digital Signature (Exemption) Order 2013**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 1 January 2013.

**Exemption**

2. (1) The licensed certification authority to which the Immigration Department of Malaysia is a subscriber is exempted from the requirement under subsection 59(2) of the Act in relation to a certificate issued for the purpose of verifying the digital signature affixed on a passport issued under the Passports Act 1966 [Act 150].

(2) Notwithstanding subparagraph (1), the licensed certification authority shall not issue any certificate for the purpose of verifying the digital signature affixed on a passport for any period exceeding six years from the date of issuance.

Made 13 March 2013  
[KPKK/PUU 800-8/20; PN(PU2)575/VI]

DATO' SERI UTAMA DR. RAIS BIN YATIM  
*Minister of Information, Communication and Culture*